



**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT RISDA JAJAHAN KELANTAN  
UTARA, PASIR MAS, KELANTAN**

**UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

DI PEJABAT RISDA JAJAHAN,  
PASIR MAS, KELANTAN  
28 FEBRUARI 2009  
10.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin  
Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Kelantan

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Kelantan

Yang Berbahagia Dato' Abd. Jabbar bin Che Nai  
KSU Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua Pengarah KEMAS, FELCRA, JHEOA

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah RISDA

Pegawai Daerah Pasir Mas

Setiausaha-Setiausaha Bahagian KKLW

Pengarah-Pengarah Bahagian RISDA

Pengarah RISDA Negeri Kelantan

Ketua-Ketua Jabatan Kelantan

Pegawai dan Kakitangan RISDA Kelantan, Pekebun-pekebun kecil  
serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bertemu di Majlis Perasmian Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara, Pasir Mas, Kelantan pada hari ini. Saya ingin mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, yang telah sudi hadir dan seterusnya merasmikan Pejabat RISDA Jajahan Kelantan

4

Utara ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua Yang Berhormat Ahli Parlimen dan ADUN negeri Kelantan yang turut hadir dan memberi sokongan kepada RISDA. Tidak lupa juga kepada Yang Berbahagia Dato' Abd. Jabbar bin Che Nai, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Ketua-Ketua Pengarah KEMAS, FELCRA, JHEOA, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah RISDA, Pegawai Daerah Pasir Mas, SUB KKLW, Ketua-Ketua Jabatan Negeri Kelantan, Pengarah RISDA Negeri Kelantan serta Pegawai dan Kakitangan RISDA Jajahan Kelantan Utara. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pekebun kecil yang menjadi nadi perkhidmatan RISDA.

5

## **2.0 Tujuan Majlis**

Tujuan RISDA mengadakan Majlis ini adalah untuk merasmikan Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara yang telah beroperasi mulai 1 Januari 2009 serta mewartkan pewujudan pejabat ini kepada orang ramai, khususnya para pekebun kecil dalam jajahan ini. Semoga detik bersejarah ini menjadikan Pejabat ini sebagai mekanisme atau wadah perhubungan antara RISDA dengan pekebun kecil untuk menjayakan segala program pembangunan yang disasarkan kepada seramai 34,009 orang pekebun kecil Jajahan Kelantan Utara.

6

### **3.0 Sejarah Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara**

Pejabat RISDA Kelantan Utara ditubuhkan merangkupi 3 Pejabat asal iaitu PRJ Pasir Mas, PRJ Pasir Puteh dan PRJ Kota Bharu/Bachok/Tumpat dan juga mempunyai sejarahnya tersendiri sebagai pejabat RISDA yang telah 4 kali berpindah tempat operasinya. Bermula di Bangunan Petronas Jalan Sultan Yahya, Kota Bharu, pada tahun 1995 telah berpindah ke Pejabat PRN Kelantan di Jalan Raja Dewa, Kota Bharu, kemudian pada tahun 1997 ke Wisma Guru, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu dan akhirnya Alhamdulillah, pada tahun ini berpindah ke Bangunan sendiri di Pasir Mas ini. Bangunan ini telah mula di bina pada awal tahun

7

2007 dan siap pembinaannya pada penghujung tahun 2008 dan telah mula beroperasi pada 1 Januari 2009. (Kos RM3.1 juta, Keluasan tapak 1,728 meter persegi, luas bangunan 1,603 meter persegi).

### **4.0 Sistem Penyampaian perkhidmatan RISDA di Kelantan**

Dalam usaha untuk memperbaiki mutu sistem penyampaian perkhidmatan kepada pekebun kecil, RISDA sentiasa peka serta sentiasa beriltizam untuk memberi mutu perkhidmatan yang terbaik kepada pekebun kecil. RISDA memberi tumpuan khusus

8

terhadap usaha penambahbaikan untuk mencapai matlamat yang disasarkan dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri serta para hadirin, untuk melaksanakan perkhidmatan RISDA di Negeri Kelantan, selain daripada Pejabat RISDA Negeri di Kota Bharu, sejumlah 3 Pejabat Jajahan termasuk Pejabat Jajahan Kelantan Utara ini dan 20 buah Pejabat Stesen telah diwujudkan untuk memberi perkhidmatan kepada 91,015 orang pekebun kecil dengan keluasan 135,258.6425 hektar di seluruh Negeri Kelantan. Bilangan warga RISDA di Negeri Kelantan pula adalah seramai 333 orang. Matlamat Tanam Semula bagi Negeri Kelantan secara

keseluruhan pada tahun ini adalah 3,131 hektar getah dan 410 hektar sawit. Khusus bagi Jajahan Kelantan Utara, seramai 99 orang kakitangan RISDA ditempatkan dalam Jajahan ini untuk membangunkan seramai 34,009 orang pekebun kecil dengan keluasan getah 19,285.10 hektar dan 508.21 sawit. Matlamat Tanam Semula bagi tahun 2009 ini bagi Jajahan ini adalah 781 hektar getah dan 305 hektar sawit.

Untuk memperbaiki lagi sistem penyampaian, kesemua Pejabat RISDA termasuk Pejabat Stesen telah dibekalkan dengan komputer untuk memudahkan lagi urusan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkualiti kepada pekebun kecil.

## **5.0 PENUTUP**

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atas kesudian menghadiri dan seterusnya merasmikan Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Utara pada hari ini. Juga ribuan tarima casi kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen, ADUN-ADUN, Dato' KSU, Ketua-Ketua Pengarah serta dif-dif jemputan yang lain. Tidak lupa juga kepada pekebun –pekebun kecil Jajahan Kelantan Utara yang hadar pada hari ini. Juga kepada Tn. Hj. Wan

11

Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Induk Majlis Perasmian ini dan Pengarah RISDA Negeri Kelantan serta J/Kuasanya yang telah bertungkus lumus menjayakan Majlis ini pada hari ini. Semoga Tuan-Tuan dan Puan-Puan sentiasa menjadi warga verja yang tidak jemu-jemu mencurahkan bakti kepada pembangunan masyarakat pekebun kecil, insyaAllah.

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah, Wassalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

12